

BIFEN SUSPENSION

Ibuprofen (100mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bifen Suspension
2. Bagaimana Bifen Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Bifen Suspension
4. Cara menggunakan Bifen Suspension
5. Semasa menggunakan Bifen Suspension
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Bifen Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Bifen Suspension

Ia boleh digunakan untuk:

-Kanak-kanak: melegakan gejala sakit dan demam yang berkaitan dengan demam selesema, sakit gigi, bronkitis (radang saluran udara) dan jangkitan bakteria dan virus yang lain.

-Dewasa: Meredakan kesakitan biasa hingga sederhana dalam keadaan seperti senggugut (sakit haid), migrain, selepas pembedahan, *ankylosing spondylitis* (penyakit kronik radang tulang), *osteoarthritis* (penyakit sendi degeneratif), dan artritis reumatoid (Penyakit keradangan yang mempengaruhi sendi) serta sakit otot dan sendi yang lain.

Bagaimana Bifen Suspension berfungsi

Ubat ini mengandungi ibuprofen yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs), yang bertindak untuk melegakan kesakitan, bengkak (inflamasi) dan mengurangkan demam.

Sebelum menggunakan Bifen Suspension

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Bifen Suspension jika:

- anda mempunyai pendarahan aktif pada perut and usus.

- anda mempunyai asma, rhinitis (radang membran mukus di hidung), urtikaria (gatal-gatal) atau gejala yang menjadi lebih teruk yang disebabkan oleh aspirin atau NSAID.

- anda alah (hipersensitif) kepada ibuprofen, atau mana-mana bahan-bahan lain dalam tablet, aspirin atau ubat non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs) yang lain.

- Sebelum menggunakan Bifen suspension

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Bifen Suspension jika:

- anda alah kepada mana-mana ubat-ubatan lain
 - anda alah kepada mana-mana bahan-bahan lain yang dimakan
 - anda mengalami gangguan pendarahan
 - anda mempunyai masalah jantung atau strok
 - anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati
 - anda menerima sejenis antikoagulan yang dipanggil coumarin (agen penipisan darah)
 - anda mempunyai masalah penglihatan
 - anda mempunyai penyakit kolagen
 - anda mempunyai atau pernah mempunyai ulser, pendarahan dan penembusan perut atau usus.
- Ibuprofen mungkin menyebabkan alahan reaksi kulit yang serius. Simptom-simptom adalah kulit melepuh dan mengelupas.

Jika anda fikir anda mengalami reaksi alahan ubat, sila jangan ambil ubat itu dan berjumpa dengan doktor segera.

Sila berjumpa dengan doktor sebelum memulakan Bifen suspension jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau berniat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan telah menimbang risiko anda menggunakan Bifen suspension terhadap manfaatnya kepada anda.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Bifen Suspension boleh menambah atau mengurangkan kesan beberapa ubat-ubatan. Ini termasuk

- Lithium (untuk gangguan bipolar)
- methotrexate (untuk kanser, *psoriasis* atau reumatisme)
- Ubat untuk menipiskan darah (contohnya warfarin)
- tablet air (diuretic, beta blocker), ubat-ubatan untuk merawat tekanan darah tinggi, ubat-ubatan untuk masalah jantung
- phenytoin (untuk merawat sawan)
- Sulphonylureas, sejenis ubat untuk kencing manis

Cara menggunakan Bifen Suspension

- Berapa banyak harus diambil

Goncang dengan betul sebelum guna.

Kanak-kanak:

1 ml/kg berat badan setiap hari yang diberikan dalam dos yang terbahagi.

- 6 bulan hingga 1 tahun seperti panduan di atas.

- 1 hingga 5 tahun, 5ml 3 kali sehari atau 1ml/kg berat badan setiap hari dalam dos yang terbahagi

- 5 hingga 12 tahun, 10ml 3 kali sehari atau 1ml/kg berat badan setiap hari dalam dos yang terbahagi.

- Sehingga 2ml/kg berat badan setiap hari dalam dos yang dibahagikan boleh diberikan dalam kes-kes *juvenile rheumatoid arthritis*.

Dewasa:

20ml, setiap 4 hingga 6 jam (maksimum 120ml sehari)

- Bila perlu diambil

Baca label pada karton atau ikut panduan yang diberitahu oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil Bifen Suspension tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika simptom masih berterusan atau tidak reda selepas beberapa hari, sila berjumpa dengan doktor.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil Bifen Suspension, ambilkannya secepat mungkin apabila anda ingat. Ambil dos seterusnya pada masa yang tepat. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil Bifen Suspension lebih daripada yang anda perlu, beritahu doktor atau pergi ke hospital dengan segera. Ambil pek ubat dengan anda. Ini adalah supaya doktor mengetahui apa yang kamu telah mengambil.

Semasa menggunakan Bifen Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda yang merawat anda bahawa anda mengambil Bifen Suspension.

Jika anda akan memulakan ubat-ubatan baru, beritahu ahli farmasi atau doktor anda bahawa anda mengambil Bifen Suspension.

Berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda jika simptom anda tidak bertambah baik.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Bifen Suspension kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil Bifen Suspension untuk merawat sebarang simptom yang lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

Jangan ambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali diberitahu oleh ahli farmasi atau doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Bifen suspension terhadap anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Bifen Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami simptom-simptom berikut yang membimbangkan anda:

- gangguan perut dan usus, ulser perut, pendarahan perut dan usus.
- sakit kepala
- pening atau rasa mengantuk
- insomnia (tidak boleh tidur)
- ruam kulit
- penglihatan kabur
- telinga berdengung
- masalah buah pinggang
- edema (masalah retensi air)
- thrombocytopenia* (bilangan platelet yang rendah dalam darah)
- rasa ketakutan, gatal-gatal, kemurungan, hipersensitiviti

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers →Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Bifen Suspension

- Penyimpanan

Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 25°C.

- Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Sila pulangkan suspensi yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan suspensi jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Suspensi oren dengan perisa oren dan rasa manis.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Ibuprofen BP 100mg.

Bahan tidak aktif

Citric acid monohydrate, Granulated sugar, Sodium benzoate, Sodium saccharin, Glycerin, Xanthan gum, Tween 80, Tutti-frutti flavor, orange flavor, Sunset yellow aluminium lake, Purified water.

- Nombor MAL

MAL19990569AZ

Pengilang

Drug Houses of Australia Pte. Ltd.

#09-01/02 Haw Par Tiger Balm Building,
No. 2, Chia Ping Road,
Singapore 619968

Pemegang Pendaftaran Produk

Actavis Sdn Bhd

C/o Allergan Malaysia Sdn Bhd
Level 5-02, Block A, PJ 8,
No. 23, Jalan Barat, Section 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

15-07-2015

Nombor siri:

BPFK(R4/1)060715/00177